



GP5: GARIS PANDUAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN KOPERASI UNTUK MENGHADIRI MODUL WAJIB PENDIDIKAN DAN LATIHAN

BAHAGIAN A : PENGENALAN

TUJUAN

Pada menjalankan kuasa yang diberikan di bawah seksyen 2 dan subseksyen 86B(1) Akta Koperasi 1993 [Akta 502], Suruhanjaya mengeluarkan garis panduan yang bertujuan memberi panduan kepada semua anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) untuk menghadiri modul wajib pendidikan dan latihan. Keperluan untuk menghadiri modul wajib ini merupakan kriteria layak dan sesuai dalam pelantikan ALK.

LATAR BELAKANG

2. Selaras dengan Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi yang dibangunkan serta mengambil kira kepentingan Prinsip Koperasi Ke-5 iaitu pendidikan, latihan dan maklumat, Suruhanjaya mengambil inisiatif untuk menerapkan identiti, nilai dan prinsip koperasi di kalangan anggota Lembaga (ALK) dan Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi (JAD) melalui pendidikan dan latihan.

3. Di bawah Bidang Tujahan Ke-3 Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (Transkom) juga menggariskan keperluan untuk melahirkan modal insan yang berpengetahuan, berinovasi, berintegriti dan berdaya maju merupakan komponen utama dalam memacu kecemerlangan koperasi.

BADAN PELAKSANA

4. Institut Koperasi Malaysia (IKMa) berperanan sebagai institusi pendidikan dan latihan yang memanfaatkan wang caruman Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dalam memperkasakan program latihan dan pembangunan kapasiti gerakan koperasi.

5. **IKMa bertanggungjawab menyediakan tatacara berkaitan dengan apa-apa perkara berhubung ekosistem pendidikan dan latihan** serta maklumat ALK, JAD dan pengurusan koperasi yang menghadiri pendidikan dan latihan tersebut. Modul wajib yang perlu diberi penekanan adalah seperti berikut –

- a) Keutuhan Jati Diri;
- b) Perundangan Koperasi;
- c) Pengurusan dan Tadbir Urus; dan
- d) Tatacara Pengauditan dan Perakaunan

6. **Suruhanjaya akan menggunakan maklumat kehadiran menyertai modul wajib pendidikan dan latihan daripada IKMa sebagaimana kriteria layak dan sesuai yang ditentukan oleh Suruhanjaya bagi tujuan penentusahan ALK di bawah subseksyen 43(2) Akta 502.**

BAHAGIAN B : KEPERLUAN MEMILIKI PENDIDIKAN DAN LATIHAN

7. Mengambil kira persekitaran perniagaan yang semakin mencabar, ALK dan JAD perlu mempersiapkan diri dalam memperluaskan pengetahuan dan mempertingkatkan daya pemikiran dalam pelbagai bidang bagi memantapkan lagi urusan hal ehwal perjalanan koperasi.

8. Berasaskan kepada tugas dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 502, maka ALK dan JAD perlu diberi penekanan dalam aspek keutuhan jati diri, tadbir urus, pengurusan kewangan, serta hala tuju koperasi.

9. ALK dan JAD hendaklah mempunyai kemahiran dan pengalaman dalam pelbagai bidang dalam usaha untuk mengawasi serta mentadbir koperasi dengan lebih berkesan.

10. Koperasi yang melantik pengurusan dan pegawai koperasi untuk mentadbir dan mengurus hal ehwal koperasi itu, Akta 502 tidak mengecualikan ALK daripada liabiliti dan tanggungjawab ke atas apa-apa perbuatan yang bertentangan dengan peruntukan Akta 502 atau perundangan koperasi yang lain.

11. Bagi memastikan perjalanan koperasi mengikut matlamat dan peruntukan perundangan, JAD juga perlu memainkan peranan seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi itu.

12. ALK dan JAD bertanggungjawab menghubungi IKMa dengan memaklumkan tentang pelantikan mereka serta hasrat untuk mengikuti modul wajib pendidikan dan latihan.

13. Mana-mana anggota koperasi juga digalakkan menghadiri pendidikan dan latihan bagi persediaan untuk dilantik sebagai ALK atau JAD.

14. Bagi tujuan pemantauan, Koperasi bertanggungjawab melaporkan kepada SKM Negeri mengenai kehadiran ALK dan JAD setiap kali pendidikan dan latihan itu selesai dilaksanakan. Contoh laporan seperti di Lampiran 1.

BAHAGIAN C : PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

15. Selaras dengan Garis Panduan ini dikeluarkan, maka GP5 : Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Menghadiri Kursus Wajib bertarikh 6 Mac 2009 dan GP5 : Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Menghadiri Kursus Wajib (Pindaan) 2012 bertarikh 15 Jun 2012 adalah dengan ini dibatalkan.

16. Garis Panduan Anggota Lembaga Koperasi Dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Untuk Menghadiri Modul Wajib Pendidikan Dan Latihan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI ZAZALI BIN HARON)
Pengerusi Eksekutif
b.p Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 8 Julai 2022

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”